



EXCO KESIHATAN AWAM & ALAM SEKITAR

#KitaSelangor

22 JUN 2024

KENYATAAN MEDIA

MAJLIS PELANCARAN PROJEK PERINTIS PROGRAM PENGUMPULAN BUANGAN ELEKTRIK & ELEKTRONIK (E-WASTE) DI STESEN MINYAK TERPILIH DI NEGERI SELANGOR SEMENA SAMBUTAN HARI ALAM SEKITAR SEDUNIA 2024 PERINGKAT NEGERI SELANGOR

1. Sempena Sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia (WED) 2024, Kerajaan Negeri Selangor melalui Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor (JKNS) dengan kerjasama Petron Fuel International Sdn. Bhd. telah melancarkan Projek Perintis Program Pengumpulan Buangan Elektrik & Elektronik (E-Waste) Di Stesen Minyak Terpilih di Negeri Selangor di PETRON Rinchng, Semenyih.
2. Untuk makluman, Projek Perintis Program Pengumpulan Buangan Elektrik dan Elektronik (E-Waste) di Stesen Minyak Terpilih di Negeri Selangor ini adalah merupakan antara inisiatif yang dijalankan sebagai usaha dan komitmen Kerajaan Negeri Selangor ke arah kelestarian alam sekitar yang telah ditetapkan dalam kerangka hala tuju (road map) Pejabat EXCO Kesihatan Awam dan Alam Sekitar.
3. Sebagai negeri pertama yang melaksanakan Projek Perintis Program Pengumpulan Buangan Elektrik dan Elektronik (E-Waste) di Stesen Minyak Terpilih ini, adalah diharapkan agar program ini dapat meningkatkan kesedaran dan galakkan kepada orang ramai untuk lebih peka dalam pengurusan e-waste.
4. Untuk makluman juga, e-waste yang dibawa oleh orang ramai ini akan dikumpulkan di stesen minyak yang terpilih dan kemudiannya akan dilupuskan dengan kaedah yang mesra alam. Pendekatan ini juga adalah sebagai peringatan kepada kita semua supaya menguruskan e-waste dengan penuh bertanggungjawab. Hal ini adalah kerana, sekiranya e-waste tidak diuruskan dengan baik, ianya boleh menyebabkan pencemaran kepada alam sekitar dan juga boleh memberi kesan kepada kesihatan manusia.
5. Petron Fuel International Sdn. Bhd. merupakan pengendali stesen minyak kedua yang menyertai usaha Kerajaan Negeri Selangor ini. Sebelum ini, Petroliaam Nasional Berhad (PETRONAS) juga telah menyertai dan melaksanakan proram pengumpulan e-waste ini. Kerajaan Negeri berharap lebih banyak pengendali stesen minyak akan

PEJABAT EXCO KESIHATAN AWAM & ALAM SEKITAR NEGERI SELANGOR

Tingkat 2, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
40503 Shah Alam, Selangor, Malaysia

Tel: 03 5544 7623 Emel: jamaliah.selangor@gmail.com



EXCO KESIHATAN AWAM & ALAM SEKITAR

bersama-sama berkolaborasi dalam program ini di bawah Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) masing-masing.

6. Dalam pada masa yang sama, Kerajaan Negeri Selangor juga sedang memperhalusi kerjasama seterusnya dengan pelbagai pihak bertujuan untuk meningkatkan kesedaran dan menyediakan akses atau kemudahan kepada warga Selangor dalam menjalankan tanggungjawab melupuskan e-waste dengan kaedah yang mesra alam sekitar.

7. Kerajaan Negeri Selangor juga ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan penghargaan terima kasih kepada semua pihak di atas kerjasama dan komitmen semua pihak dalam menyokong usaha yang dijalankan oleh Kerajaan Negeri Selangor. Kerajaan Negeri Selangor akan terus komited dalam menyediakan inisiatif-insiatif dapat meningkatkan kesedaran dalam kalangan rakyat Negeri Selangor tentang tanggungjawab memelihara alam sekitar sekaligus menjadikan ia satu gaya hidup dan budaya.

Y.B. PUAN JAMALIAH BINTI JAMALUDDIN

EXCO Kesihatan Awam dan Alam Sekitar